31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (A) 398

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 3) 2018

SERVICE TAX (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 3) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 91 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 3) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Peraturan baharu 3

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [*P. U. (A) 214/2018*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 3 peraturan yang berikut:

"**Kesan perubahan dalam perkhidmatan bercukai**

3A. Jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

(a) dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama dan pemberian perkhidmatan itu menjangkaui selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkaitkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu;

(b) dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan pemberian perkhidmatan itu menjangkaui selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkaitkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu; atau

(c) dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan sebelum tarikh perubahan itu apa-apa bayaran diterima berkaitan dengan perkhidmatan itu yang akan diberikan pada atau selepas tarikh perubahan itu, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas bayaran yang diterima itu.".

Bahagian baharu IIA

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 4 bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN IIA
PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN BERCUKAI YANG DIIMPORT

Nilai perkhidmatan bercukai yang diimport

4A. (1) Nilai perkhidmatan bercukai yang diimport adalah seperti yang berikut:

(a) jika perkhidmatan bercukai yang diimport diperoleh oleh seseorang di Malaysia yang tidak berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia—

(i) dalam hal premium bagi polisi insurans atau sumbangan takaful bagi sijil takaful, premium atau sumbangan takaful sebenar yang dibayar; atau

(ii) dalam hal perkhidmatan bercukai yang diimport selain yang dinyatakan dalam subperenggan (i),

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diimport itu; atau

(b) jika perkhidmatan bercukai yang diimport diperoleh oleh seseorang di Malaysia yang berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia, nilai perkhidmatan bercukai yang diimport itu jika diperoleh dalam penjalanan biasa perniagaan oleh orang itu yang tidak berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia.

(2) Peraturan 4 hendaklah terpakai bagi subperaturan (1) bagi maksud menentukan orang yang berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia.".

Pindaan peraturan 10

4. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

"(1A) Jika orang berdaftar memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai kepada pelanggannya yang merupakan orang berdaftar yang memberikan perkhidmatan bercukai yang sama sebagaimana yang diberikan olehnya, dan pelanggan itu berhak bagi pengecualian cukai perkhidmatan di bawah seksyen 34 Akta berhubung dengan perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar itu, orang berdaftar itu hendaklah mengeluarkan invois di bawah subperaturan (1) dengan butiran tambahan yang berikut:

(a) nama dan alamat pelanggan itu;

(b) nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan itu; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) jumlah amaun cukai perkhidmatan pelanggan itu yang dikecualikan"; dan

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "subperaturan (1)," dengan perkataan "subperaturan (1) dan (1A),";

(ii) dengan memasukkan sebelum perkataan "untuk tidak dinyatakan" perkataan "atau (1A), mengikut mana-mana yang berkenaan,".

Pindaan peraturan 12

5. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**penyata**" perkataan " **atau perisytiharan**";

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

"(1A) Seseorang selain orang kena cukai hendaklah mengemukakan perisytiharan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 26A Akta dalam Borang SST-02A.";

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "Borang SST-02" perkataan "atau Borang SST-02A";

(ii) dengan memotong perkataan "hendaklah dikemukakan oleh orang kena cukai itu dan"; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan "penyata" perkataan "atau perisytiharan"; dan

(d) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan "kena cukai".

Pindaan peraturan 14

6. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**penyata**" perkataan "**atau perisytiharan**"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan "**penyata**" perkataan "**atau perisytiharan**" di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 15

7. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan "penyata" perkataan ", atau mana-mana orang selain orang kena cukai membuat suatu kesilapan dalam mana-mana perisytiharan,";

(b) dalam perenggan (2)*(a)*, dengan memasukkan selepas perkataan "Borang SST-02" perkataan "atau Borang SST-02A, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

(c) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan "kena cukai".

Pindaan peraturan 16

8. Subperaturan 16(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan "penyata" perkataan "yang dibuat"; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) dengan memasukkan sebelum perkataan "surcaj" perkataan "perisytiharan yang dibuat di bawah seksyen 26A Akta,".

Pindaan peraturan 28

9. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan "penyata" perkataan ", perisytiharan"; dan

(b) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "penerimaan penyata" perkataan ", perisytiharan";

(ii) dengan memotong perkataan "di bawah seksyen 26 Akta"; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan "penyata dan pembayaran itu" dengan perkataan "penyata, perisytiharan dan pembayaran itu".

Pindaan Jadual Pertama

10. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

"3A. Perenggan 3 tidak terpakai bagi apa-apa perkhidmatan bercukai yang diimport yang diperoleh oleh suatu syarikat di Malaysia daripada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia.";

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 9 perenggan yang berikut:

"10. Mana-mana orang berdaftar yang dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan di bawah seksyen 34 Akta,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan itu hendaklah diakaunkan dalam pengiraan jumlah nilai cukai perkhidmatan bagi maksud pendaftaran di bawah Bahagian IV Akta.";

(c) dalam Kumpulan C, dalam ruang (1), dalam butiran 2, dengan menggantikan perkataan "yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan atau yang didaftarkan secara sah" dengan perkataan "sama ada atau tidak berdaftar dengan, atau diluluskan oleh, mana-mana pihak berkuasa tempatan yang berkaitan";

(d) dalam Kumpulan G—

(i) dalam ruang (1)—

(A) dengan menggantikan butiran 7 dengan butiran yang berikut:

"7. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar, tidak termasuk—

(a) syarikat penyelidikan dan kemajuan dan syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] dan institut penyelidikan yang diluluskan di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*]; atau

(b) Kerajaan Persekutuan atau Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun.;" dan

(B) dengan menggantikan butiran 9 dengan butiran yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"9. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan, tidak termasuk—

(a) perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan berkaitan tanah atau bangunan semata-mata bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman;

(b) perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; atau

(c) perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, perkuburan, tanah perkuburan, pembakaran mayat, pembetungan, pembekalan air, kesihatan atau pengangkutan.";

(ii) dalam ruang (2)—

(A) dengan menggantikan butiran *(g)* dengan butiran yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"*(g)* pemberian perkhidmatan perundingan termasuk perkhidmatan perundingan profesional selain yang disebut secara khusus dalam Jadual ini, atau perkhidmatan latihan atau tunjuk ajar dengan atau tanpa pengeluaran perakuan yang baginya fi dikenakan, tidak termasuk—

(i) pemberian perkhidmatan perundingan yang berhubungan dengan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perkhidmatan veterinar;

(ii) pemberian perkhidmatan perundingan, latihan atau tunjuk ajar berkaitan—

(A) barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau

(B) perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (A).";

(B) dengan menggantikan butiran *(h)* dengan butiran yang berikut:

"*(h)* Pemberian semua jenis perkhidmatan teknologi maklumat, tidak termasuk—

(i) pemberian atau penjualan barang berkaitan pemberian perkhidmatan teknologi maklumat;

(ii) pemberian perkhidmatan teknologi maklumat berkaitan—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(A) barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau

(B) perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (A).";

(C) dengan menggantikan butiran *(i)* dengan butiran yang berikut:

"*(i)* Pemberian mana-mana perkhidmatan pengurusan yang berikut:

(i) perkhidmatan pengurusan projek, sepenuhnya atau sebahagian daripada projek;

(ii) perkhidmatan pengurusan pelancongan;

(iii) perkhidmatan pengurusan logistik;

(iv) perkhidmatan pengurusan penyenggaraan;

(v) perkhidmatan pengurusan penggudangan;

(vi) perkhidmatan pengurusan kutipan dan hutang;

(vii) perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta;

(viii) perkhidmatan pengurusan kemudahan sukan;

(ix) perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(x) apa-apa perkhidmatan pengurusan selain yang dinyatakan dalam (i) hingga (ix) yang dibuat bagi pihak orang lain,

tidak termasuk pemberian perkhidmatan itu berkaitan—

(xi) barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau

(xii) perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (xi).";

(D) dalam butiran *(j)*, dengan memotong perkataan "atau membekal pekerja untuk bekerja bagi orang lain bagi suatu tempoh masa"; dan

(e) dalam Kumpulan I, dengan memasukkan selepas butiran 10 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

"

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
11. Mana-mana orang yang mengendalikan taman hiburan iaitu tempat yang terdapat apa-apa bangunan, premis atau struktur di atasnya, sama ada secara sementara atau kekal, yang	(a) Pemberian semua perkhidmatan termasuk bayaran masuk. (b) Penyediaan atau penjualan makanan dan minuman.	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
terdapat pelbagai tarikan di dalamnya termasuk tunggangan, permainan, aktiviti yang menyeronokkan, dengan atau tanpa tema, yang orang dibenarkan masuk ke tempat itu dengan caj kemasukan dikenakan.		
12. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan berhubung dengan penggunaan atau penyediaan pembrokeran dan penajajaminan.	Pemberian perkhidmatan yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan bagi penggunaan atau penyediaan pembrokeran dan penajajaminan atas apa-apa fi atau komisen yang dikenakan.	RM 500,000
13. Mana-mana orang yang memberikan	Pemberian apa-apa perkhidmatan	RM 500,000

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(1) Orang kena cukai	(2) Perkhidmatan bercukai	(3) Jumlah nilai perkhidmatan bercukai
perkhidmatan pembersihan, tidak termasuk perkhidmatan pembersihan berhubung dengan barang, tanah atau bangunan bagi maksud keagamaan, pendidikan, kediaman atau pertanian.	pembersihan berhubung dengan barang, tanah atau bangunan komersial atau industri.	

"; dan

Pindaan Jadual Ketiga

11. Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memotong "Lampiran A" kepada Borang SST-01; dan

(b) dengan menggantikan Borang SST-02 dengan borang yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

SST-02

No. SST-02 :

☐ Pindaan / Amendment

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

PENYATA CUKAI JUALAN / CUKAI PERKHIDMATAN
SALES TAX / SERVICE TAX RETURN

Nota Penting *(Important Notes)*

1) Sila isikan borang ini dengan menaip menggunakan **HURUF BESAR.**
   *Please type in using **BLOCK LETTERS.***
2) Borang ini hendaklah diisi secara berasingan bagi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
   This form must be declare separately for Sales Tax and Service Tax
3) Sila rujuk **Panduan Mengisi Penyata SST-02.**
   *Please refer to **SST-02 Returns Guidelines.***
4) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
   Column with (*) is a mandatory field.
5) Sekiranya tiada nilai untuk diikrar, sila isi angka '0'.
   If nothing to declare, please fill in "0".
6) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau emel ccc@customs.gov.my untuk pertanyaan lanjut.
   Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email ccc@customs.gov.my for further enquiry.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PENGILANG BERDAFTAR / ORANG BERDAFTAR
PART A : REGISTERED MANUFACTURER / REGISTERED PERSON PARTICULARS

	CUKAI JUALAN / *SALES TAX*	CUKAI PERKHIDMATAN / *SERVICE TAX*
1) Jenis Penyata (Tandakan x dalam kotak yang berkaitan)* *Type of Return (Tick x in the relevant box)**	☐	☐

No. Pendaftaran SST.*
*SST Registration No.**

2) Nama Pengilang Berdaftar / Orang Berdaftar*.
*Name of Registered Manufacturer / Registered Person.**

3) Tempoh Bercukai.*
*Taxable Period.**

dari *from* ☐☐ / ☐☐ / ☐☐ (hari *(day)* / bulan *(month)* / tahun *(year)*)
hingga *until* ☐☐ / ☐☐ / ☐☐ (hari *(day)* / bulan *(month)* / tahun *(year)*)

4) Tarikh Akhir Serahan Penyata dan Bayaran*
*Return and Payment Due Date**

☐☐ / ☐☐ / ☐☐ (hari *(day)* / bulan *(month)* / tahun *(year)*)

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN B1 : MAKLUMAT JUALAN / PERKHIDMATAN
PART B1 : SALES / SERVICE DETAILS

(5) Bil. *No.*	(6) Maklumat Barang Bercukai / Jenis Perkhidmatan Bercukai Disediakan/ Diimport.* *Description of Taxable Goods / Type of Taxable Service Provided/Imported.**	(7) Kod Tariff Kastam / Kod Jenis Perkhidmatan.* *Customs Tariff Code / Service Type Code.**	(8) Nilai Barang-barang Dijual (Termasuk Nilai Nota Debit) / Nilai Kerja Yang Dilakukan.* *Value of Taxable Goods Sold (Including Value of Debit Note) / Value of Work Performed.** (RM)	(9) Nilai Barang-barang Yang Dipakai Sendiri / Dilupus Nilai Perkhidmatan Yang Diberi Percuma* *Value of Goods For Own Used / Disposed Values of Free Services** (RM)	(10) Nilai Perkhidmatan Bercukai (Termasuk Nilai Nota Debit) * *Value of Taxable Service (including Value of Debit Note)** (RM)
		JUMLAH.* ***TOTAL.****			
		JUMLAH KESELURUHAN.* ***NET TOTAL.****			

BAHAGIAN B2 : NILAI CUKAI YANG KENA DIBAYAR ATAS BARANGAN (JUALAN / PELUPUSAN / KEGUNAAN SENDIRI) / PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIBERIKAN / KEGUNAAN SENDIRI)
PART B2 : VALUE OF TAX PAYABLE FOR GOODS (SALES/ DISPOSED/ OWN USE) / SERVICES (SERVICES PERFORMED / OWN USE)

11) Jumlah Nilai Jualan dan Cukai Yang Kena dibayar Mengikut Kadar Cukai.*
*Total Value of Tax Payable as Per Tax Rate.**

	Nilai Jualan / Perkhidmatan Bercukai / Bilangan Kad *Value of Taxable Sales / Service / No. of Cards*	Kadar Cukai *Tax Rate*	Nilai Cukai Kena Bayar *Value of Tax Payable*
a) Barangan Bercukai Berkadar 5%. *Taxable Goods at 5% Rate.*	RM	5%	RM
b) Barangan Bercukai Berkadar 10%. *Taxable Goods at 10% Rate.*	RM	10%	RM
c) Perkhidmatan Bercukai selain dari Kumpulan H. *Taxable Services other than from Group H.*	RM	6%	RM
d) Perkhidmatan Bercukai dari Kumpulan H. *Taxable Services from Group H.*	UNIT	RM 25	RM

12) Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar.* RM
*Total Value of Tax Payable.**
(12) = [11(a) + 11(b)] **ATAU** / **OR** [11(c) + 11(d)]

13) Amaun Potongan cukai
Amount of Tax Deduction

a) Potongan Cukai Melalui Nota Kredit* RM
*Tax Deduction from Credit Note**

b) Potongan Cukai Jualan * RM
*Sales Tax Deduction **

c) Potongan Cukai Perkhidmatan* RM
Service Tax Deduction.

13A) Pelarasan di bawah Potongan Cukai Jualan* RM
*Adjustment under Sales Tax Deduction**

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

14) Jumlah Cukai Yang Kena Dibayar Sebelum Penalti Dikenakan*
*Total Tax Payable Before Penalty Imposed**
(14) = (12) - (13)

RM

15) Kadar Penalti / Amaun Penalti
Penalty Rate / Penalty Amount

% RM

16) Jumlah Cukai Kena Dibayar Termasuk Penalti
Total of Tax Payable Inclusive Penalty
(16) = (14) + (15)

RM

BAHAGIAN C : BARANG-BARANG DI BAWAH JADUAL KEDUA, PERINTAH CUKAI JUALAN (KADAR CUKAI) 2018

PART C : GOODS UNDER SCHEDULE 2, SALES TAX ORDER (TAX RATE) 2018

17) Jumlah Nilai Jualan dan Cukai Yang Kena dibayar mengikut kadar cukai.
Total Value of Tax Payable as per rate of tax.

			Kuantiti Jualan *Sales Quantity*	Nilai Jualan Bercukai *Value of Taxable Sales*	Nilai Cukai Kena Bayar *Value of Tax Payable*
Berkadar *At Rate*	RM	Per Liter.* *Per Litre.**		RM	RM
Berkadar *At Rate*	RM	Per Kilogram.* *Per Kilogram.**		RM	RM
Berkadar *At Rate*	%	ad-valorem.* *ad-valorem.**		RM	RM

BAHAGIAN D : JUALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI

PART D : SALES / SERVICES EXEMPTED FROM TAX

18) Jualan Barang-Barang Bercukai / Perkhidmatan Bercukai. *
*Sales of Taxable Goods/ Taxable Services.**

a) Eksport / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan.*
*Export / Special Area / Designated Area.**

b) Jualan Tempatan Kepada Orang di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Jualan) 2018:
Local sales exempted to person under the Sales Tax (Person Exempted From Payment of Sales Tax) Order 2018:-

1) Jadual A (Kumpulan Orang).*
*Schedule A (Class of Person).** RM

2) Jadual B (Pengilang Spesifik Barang Tidak Bercukai).*
*Schedule B (Manufacturer of specific non taxable goods).** RM

3) Jadual C (Pengilang Berdaftar)*
Schedule C (Registered Manufacturer)

i) Butiran 1 dan 2 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
*Item 1 and 2 (Purchase / Importation of Raw Material/ Components/ Packaging Materials Exempted From Sales Tax).** RM

ii) Butiran 3 dan 4 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Bagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*
*Item 3 and 4 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials on behalf of Registered Manufacturer Exempted From Sales Tax).** RM

iii) Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*
*Item 5 (Value of Work Performed Exempted from Sales Tax).** RM

c) Jumlah Nilai Perkhidmatan Bercukai Yang Dikecualikan
Total Value of Exempted Taxable Services RM

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN E: BELIAN DI BAWAH JADUAL C, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN) 2018

PART E : PURCHASE UNDER THE SCHEDULE C, SALES TAX (PERSON EXEMPTED FROM PAYMENT OF SALES TAX) ORDER 2018

19) Butiran 1 dan 2 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/Komponen/ Bahan Pembungkusan Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*
*Item 1 and 2 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials Exempted From Sales Tax).**
RM

20) Butiran 3 dan 4 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Bagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*
*Item 3 and 4 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials on behalf of Registered Manufacturer Exempted From Sales Tax).**
RM

21) Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*
*Item 5 (Value of Work Performed Exempted from Sales Tax).**
RM

BAHAGIAN F : AKUAN

PART F : DECLARATIONS

22) Dengan ini saya sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 89 atau 90 Akta Cukai Jualan 2018/ seksyen 74 atau 75 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengesahkan dan memperakui bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam penyata ini adalah benar dan lengkap.*
*I as the authorized person under section 89 or 90 of the Sales Tax Act 2018/ section 74 or 75 of the Service Tax Act 2018 hereby certify that the particulars stated in this return are true and complete.**

Tarikh / *Date**

		/			/				

(hari) *(day)* (bulan) *(month)* (tahun) *(year)*

.....

Tandatangan Pengikrar*
Declarant Signature

23) Nama Pengikrar.*
*Name of Declarant.**

24) No. Kad Pengenalan / Pasport.*
*Identity Card / Passport No.**

25) Jawatan Pengikrar.*
*Designation of Declarant.**

26) No. Telefon.*
*Telephone No.**

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN G : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
PART G : FOR OFFICE USE

27(a) ..... 27(b) .....

Tarikh Penyata Diterima
Date Return Received

Tarikh Tanda Pos
Post Mark Date

27(c) .....

Pegawai Penerima
Receiving Officer

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

SST-02A

No. SST-02A :

Pindaan / Amendment

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

PENGISYTIHARAN CUKAI PERKHIDMATAN
OLEH ORANG SELAIN ORANG BERDAFTAR
SERVICE TAX DECLARATION BY PERSON OTHER THAN REGISTERED PERSON

Nota Penting *(Important Notes)*

1) Sila isikan borang ini dengan menaip menggunakan **HURUF BESAR.**
   *Please type in using **BLOCK LETTERS.***
2) Sila rujuk **Panduan Mengisi Pengisytiharan SST-02A.**
   *Please refer to **SST-02A Declaration Guidelines.***
3) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
   Column with (*) is a mandatory field.
4) Sekiranya tiada nilai untuk diikrar, sila isi angka '0'.
   If nothing to declare, please fill in "0".
5) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau emel ccc@customs.gov.my untuk pertanyaan lanjut.
   Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email ccc@customs.gov.my for further enquiry.

BAHAGIAN A : BUTIRAN ORANG SELAIN ORANG BERDAFTAR
PART A : DETAILS OF PERSON OTHER THAN REGISTERED PERSON PARTICULARS

1) No. Pendaftaran Perniagaan. *
   *Business Registration No.**

ATAU / *OR*

2) No. Kad Pengenalan.*
   *Identity Card No.**

3) Nama Perniagaan.*
   *Name of Business.**

4) Alamat Perniagaan.*
   *Business Address.**

Bandar *(Town)*

Poskod *(Poscode)*

Negeri *(State)*

5) No. Telefon.*
   *Telephone No.**

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

6) No. Fax.*
*Fax No.**

7) Alamat Email.*
*Email Address.**

8) Jenis Transaksi.*
*Transaction Type.**

☐ Perkhidmatan Diimport
Imported Services

☐ Lain-lain
Others

Jika "lain-lain" sila nyatakan
If "others", please specify

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PERKHIDMATAN
PART B : SERVICE DETAILS

9) Tempoh Pengisytiharan.*
*Period of Declaration.**

dari *from* ☐☐/☐☐/☐☐ hingga *untill* ☐☐/☐☐/☐☐

(hari) *(day)* (bulan) *(month)* (tahun) *(year)*

10) Jumlah Cukai Yang Kena dibayar Mengikut Kadar Cukai
Total Value of Tax Payable as Per Tax Rate.

	Perkhidmatan Bercukai / Bilangan Kad *Value of Taxable Service / No. of Cards*	Kadar Cukai *Tax Rate*	Nilai Cukai Kena Bayar *Value of Tax Payable*
a) Nilai Perkhidmatan Diimport *Value Of Imported Services*	RM	6%	RM
b) Lain-lain *Others*	RM		RM

11) Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar.
Total Value of Tax Payable. RM

12) Kadar Penalti / Amaun Penalti
Penalty Rate / Penalty Amount % RM

13) Jumlah Cukai Kena Dibayar Termasuk Penalti
Total of Tax Payable RM

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN C : AKUAN
PART C : DECLARATIONS

14) Dengan ini saya sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 74 atau 75 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengesahkan dan memperakui bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam pengisytiharan ini adalah benar dan lengkap.*
*I as the authorized person under section 74 or 75 of the Service Tax Act 2018 hereby certify that the particulars stated in this declaration are true and complete.**

Tarikh* / *Date**

		/			/				

(hari) *(day)* (bulan) *(month)* (tahun) *(year)*

.....

Tandatangan Pengikrar*
Declarant Signature*

15) Nama Pengikrar*
*Name of Declarant.**

16) No. Kad Pengenalan / Pasport.*
*Identity Card / Passport No.**

17) Jawatan Pengikrar.*
*Designation of Declarant.**

18) No. Telefon.*
*Telephone No.**

BAHAGIAN D : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
PART D : FOR OFFICE USE

19(a) ..... Tarikh Penyata Diterima *Date Return Received*

19(b) ..... Tarikh Cop Pos *Post Mark Date*

19(c) ..... Pegawai Penerima *Receiving Officer*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Dibuat 31 Disember 2018
[Perb. R.0.3865/356/8 JLD.2; PN(PU2)752/II]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri
yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 91 of the Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Amendment) (No. 3) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2019.

New regulation 3

2. The Service Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 214/2018*], which is referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended by inserting after regulation 3 the following regulation:

"**Effect of change in taxable service**

3A. Where there is a change in any taxable service as specified in the First Schedule, the effect of the change on service tax shall be as follows:

